

UNIKL tak boleh tercicir mata lagi

Megat Azrafiq mahu skuad bangkit berdepan THT

Berita Harian · 14 Mar 2021 · Oleh Helmi Talkah helmi.talkah@bh.com.my

Liga Hoki Malaysia



Kuala Lumpur: Jurulatih pasukan hoki Universiti Kuala Lumpur (UNIKL), Megat Azrafiq Megat Termizi mengingatkan barisan pemainnya yang mereka tidak boleh lagi keciciran mata dalam misi mempertahankan kejuaraan Liga Hoki Malaysia (MHL) musim ini. UNIKL sekadar mengutip satu mata pada aksi pembukaan liga, kelmarin selepas terikat tanpa jaringan dengan pasukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam perlawanan yang berlangsung di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil.

Bagaimanapun, anak buah Megat Azrafiq berjaya mempertahankan kejuaraan Piala Sumbangsih apabila melakar kemenangan menerusi penentuan penalti 4-3 dalam perlawanan itu.

“Kami agak bergelut di bahagian serangan, nampak masih belum tajam. Kami mendapat dua pukulan sudut penalti tetapi gagal memanfaatkannya. Mujur, barisan pertahanan bermain dengan baik dan banyak serangan TNB yang kami berjaya patahkan.

“Jadi, kami perlu menampilkan prestasi yang lebih baik untuk menghadapi perlawanan seterusnya. Kami tidak boleh lagi keciciran mata untuk mencabar kejuaraan liga musim ini,” kata Megat Azrafiq selepas perlawanan itu.

Megat Azrafiq bagaimanapun, berkata dia tetap bersyukur kerana Piala Sumbangsih masih lagi kekal menjadi milik mereka.

“Sekurang-kurangnya kami sudah memenangi satu daripada tiga piala musim ini. Apa yang saya harapkan, pemain akan terus kekal fokus untuk saingan musim ini,” katanya.

Sebagai rekod, UNIKL cemerlang musim lalu dengan meraih gelaran trebel dengan menjulang Piala Sumbangsih, liga dan memenangi Piala TNB. UNIKL dijadual berdepan Pasukan Hoki Terengganu (THT) untuk perlawanan kedua di Stadium Nasional Bukit Jalil, hari ini.